RHB ISLAMIC BANK BERHAD (680329-V) Incorporated in Malaysia

**Untuk Kegunaan Bank**

**No. Permohonan: (AA: ) KOD CAWANGAN:**

**CAWANGAN:**

# BORANG PERMOHONAN DAN SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN BERJANGKA-i BERCAGARKAN SIJIL AMANAH SAHAM BERHAD (ASB)

## A. (i) BUTIR- BUTIR PERIBADI (SILA ISI DENGAN HURUF BESAR)

1. Gelaran: ☐ Encik ☐ Puan ☐ Cik ☐ Lain-lain ____________________

2. Nama (seperti di dalam K/P): ____________________

3. Tarikh Lahir: ____________________ 4. No. K/P Baru: ____________________

5. Jantina: ☐ Lelaki ☐ Perempuan 6. Warganegara: ☐ Malaysian ☐ Lain-lain ____________________

7. Bangsa: ☐ Melayu ☐ Cina ☐ India ☐ Lain-lain ____________________

8. Taraf Pemastautin: ☐ Warganegara ☐ Pemastautin Tetap ☐ Warga Asing ☐ Lain-lain ____________________

9. Alamat Rumah: ____________________

____________________

Bandar: ____________________ Poskod: ____________________

Negeri: ____________________ Negara: ____________________

10. Status Kediaman Terkini: ☐ Milik Sendiri ☐ Tinggal Bersama Orang ☐ Sewa : RM ____________ sebulan

11. Taraf Pendidikan: ☐ Rendah ☐ Menengah ☐ Diploma ☐ Universiti / Ijazah ☐ Ijazah Sarjana / Kedoktoran

12. No. Telefon Rumah: ____________________ 13. No. Telefon Bimbit: ____________________

14. Taraf Perkahwinan : Bujang/ Kahwin/ Bercerai/ Janda/ Duda 15. Jumlah Tanggungan: ____________________

16. Jenis Penyata: ☐ e-Penyata ☐ Penyata Kertas 17. Alamat Emel : ____________________

## (ii) BUTIR-BUTIR PEKERJAAN SEKARANG

1. Jenis Pekerjaan: ☐ Bergaji ☐ Professional ☐ Bekerja Sendiri ☐ Penganggur ☐ Suri Rumah ☐ Pelajar ☐ Lain-lain ____________________

2. Nama Majikan / Syarikat: *(jika bekerja sendiri)* ____________________

3. Alamat Majikan / Syarikat: ____________________

____________________

Bandar: ____________________ Poskod: ____________________

Negeri: ____________________ Negara: ____________________

4. Bidang Perniagaan: ____________________

5. Jawatan: ____________________

6. Pekerjaan : Tetap/ Sementara 7. Tempoh Perkhidmatan: Tahun Bulan

8. Pendapatan Kasar Bulanan: ____________________ 9. No Telefon Pejabat: ____________________

## B. BUTIR- BUTIR SUAMI/ ISTERI PEMOHON/ KECEMASAN

1. Nama: ____________________ 2. No. Telefon Pejabat: ____________________

3. Hubungan dengan pemohon : ____________________ 4. No. Telefon Bimbit: ____________________

5. Suami / Isteri Bekerja (jika perhubungan ialah suami / isteri): Ya / Tidak

## C. TANGGUNAN/ PEMBIAYAAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN DAN TANGGUNGAN/ PEMBIAYAAN LAIN

| NO | BANK / SYARIKAT KEWANGAN / LAIN – LAIN | JENIS KEMUDAHAN / PEMBIAYAAN/ LAIN - LAIN | JUMLAH PEMBIAYAAN (RM) | BAKI BELUM JELAS (RM) | JUMLAH BAYARAN BALIK BULANAN (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |

## D. BUTIR-BUTIR PEMBIAYAAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| Status | **Baharu** | Kadar Keuntungan Siling (KKS)* | **10.25%** |
| Kadar Keuntungan Efektif** sila isi yang berkenaan | **KA + ______ % Untuk ________ Tahun** | | **Untuk Kadar Keuntungan Tunggal** |
| | **KA + ______ % Untuk ________Tahun pertama dan** **KA + ______% Tahun seterusnya******** | | **Untuk Kadar Keuntungan Berbilang** |
| *GRTT**** | RM | Tempoh Pembiayaan | Bulan |
| **Jumlah Pembiayaan (dengan / tanpa) GRTT** sila pilih yang berkenaan | **RM** | | |
| Harga Jualan (*Jumlah Pembiayaan + Jumlah Keuntungan)* | RM | Fi Dokumentasi**** | **RM 60.00** |
| Bayaran bulanan berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif *(dengan/ tanpa) perlindungan Takaful* sila pilih yang berkenaan | | RM | |

Nota:

* *Harga Jualan Bank adalah berdasarkan KKS.*

** *Kadar Keuntungan Efektif mungkin berubah-ubah berdasarkan pergerakan KA, namun ianya tidak akan melebihi KKS. KA Bank pada masa ini ialah _____________% setahun. Perubahan KA atau keuntungan adalah di atas budi bicara Bank. Sebarang perubahan kepada KA akan diumumkan melalui media massa.*

*** *Sekiranya syarikat Takaful memutuskan sumbangan GRTT yang dibiayai tidak mencukupi untuk melindungi jumlah Pembiayaan ini, pihak Bank mempunyai kuasa budi bicara untuk mengurangkan perlindungan Takaful GRTT berdasarkan sumbangan GRTT yang telah dibiayai.*

**** *Fi ini akan didebitkan daripada Akaun Pembiayaan Pelanggan pada bayaran bulanan yang pertama. Oleh itu sekiranya Pelanggan menggunakan khidmat arahan tetap (standing instruction) Pelanggan perlulah memastikan akaun Pelanggan mempunyai baki yang cukup bagi tujuan pembayaran fi dokumentasi ini. Walaubagaimanapun sekiranya Pelanggan memilih untuk membuat bayaran bulanan secara berkala, Pelanggan hendaklah memastikan jumlah bayaran bulanan yang pertama mengambil kira pembayaran fi dokumentasi ini.*

***** *Bayaran bulanan berdasarkan kepada kadar pembiayaan yang paling tinggi.*

## E. BUTIR-BUTIR PERLINDUNGAN TAKAFUL BERJANGKA PENGURANGAN BERKELOMPOK (GRTT)

| | |
|---|---|
| Jumlah Perlindungan | RM |
| % Perlindungan Takaful | % |
| Tempoh Perlindungan | Tahun |
| GRTT | RM |

**Untuk Pengambilan Perlindungan Takaful GRTT dengan Tempoh Perlindungan dan Amaun Perlindungan Berlainan**

☐ Saya / Kami faham dengan terma Surat Tawaran, Saya / Kami perlu mengambil Jumlah Perlindungan Takaful GRTT berdasarkan Jumlah Pembiayaan sepenuhnya.

☐ Saya / Kami ingin memberitahu pihak Bank bahawa perbezaan pengambilan Perlindungan Takaful GRTT seperti di atas.

☐ Saya / Kami, Pemohon ingin mengambil tempoh Perlindungan Takaful GRTT kurang daripada tempoh Pembiayaan iaitu ________________(        ) tahun sahaja.

Perlindungan Takaful hanya akan berkuat kuasa selepas pembiayaan GRTT sumbangan dijelaskan kepada penaja jamin GRTT. Sekiranya syarikat Takaful memutuskan sumbangan GRTT yang dibiayai tidak mencukupi untuk melindungi jumlah Pembiayaan ini,pihak Bank mempunyai kuasa budi bicara untuk mengurangkan perlindungan Takaful GRTT berdasarkan sumbangan GRTT yang telah dibiayai.

*Dengan pilihan saya atas enrolmen dalam GRTT (Pelan), saya mengetahui bahawa Pelan ini menyediakan perlindungan ke atas jumlah Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil ASB sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal. Saya, sebagai Pemohon, mengetahui bahawa enrolmen (jika enrolmen dipilih) dalam GRTT adalah tertakluk kepada penerimaan Bank terhadap permohonan Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil ASB saya. Saya dengan ini mengaku bahawa saya berusia 18 tahun ke atas dan di bawah umur 60 tahun. Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca maklumat serta terma dan syarat produk GRTT dan saya mengetahui jumlah sumbangan yang patut dibayar untuk Pelan ini dan dengan ini bersetuju untuk menambah jumlah yang dinyatakan ke dalam jumlah Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil ASB yang diluluskan sebagai sumbangan GRTT.*

*Pelan ini ditaja jamin oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad (131646-K). Syarikat Takaful Malaysia Berhad diperlesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Syarikat Takaful Malaysia Berhad terletak di Dataran Kewangan Darul Takaful, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, Wilayah Persekutuan, 50000 Kuala Lumpur Pelan ini diedarkan oleh RHB Islamic Bank Berhad (680329-V) dan terletak di No.426, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.*

**Untuk pembiayaan ASB tanpa Perlindungan Takaful GRTT**

☐ Saya / Kami telah pun dimaklumkan sepenuhnya dan faham tentang faedah-faedah GRTT yang ditawarkan dan risiko-risiko pembiayaan ASB tanpa GRTT

☐ Saya / Kami memilih untuk tidak mengambil perlindungan takaful GRTT yang ditawarkan

## F. CAGARAN

**Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil ASB**

1. Sijil ASB berjumlah ................... unit dipegang oleh RHB Bank Berhad.
2. Surat Tawaran (Letter of Offer).
3. Menandatangi **Borang ASNB PT** (Borang Pelaburan).
4. Menandatangi **"Memorandum of Deposit For Unit Trust (First Party) / (Third Party)"**
5. Menandatangi dan menurunkan cap jari pada **"Penyata Pendedahan Risiko"** pelaburan melalui pembiayaan.
6. Surat Arahan Pemindahan Wang Pembiayaan kepada RHB Bank Berhad
7. Surat Perwakilan RHB Bank Berhad sebagai Agen

## G. NOTIS PRIVASI RHB

Saya faham bahawa RHB Islamic Bank Berhad (Company No:680329-V) ("**Bank/pihak Bank**") akan menggunakan, mengumpul, merekod, menyimpan, berkongsi dan/atau memproses maklumat peribadi saya, termasuk, tanpa had, butir-butir pengenalan saya, maklumat latar belakang, data kewangan, penduduk cukai dan maklumat lain yang berkaitan dengan permohonan saya untuk produk dan / atau perkhidmatan yang :

a) telah saya berikan di dalam borang ini atau melalui sebarang perhubungan lain dengan Kumpulan Perbankan RHB (termasuk syarikat-syarikat induk pihak Bank, syarikat-syarikat subsidiari, dan mana-mana syarikat yang berkenaan, termasuk mana-mana syarikat yang terhasil daripada mana-mana penyusunan semula, penggabungan, jualan atau pengambilalihan) atau
b) diperolehi daripada analisis pembayaran saya dan urusniaga / perkhidmatan yang lain dalam Kumpulan Perbankan RHB, atau
c) diperolehi daripada pihak ketiga seperti majikan, pemohon bersama / pemegang-pemegang akaun, penjamin-penjamin, wakil-wakil perundangan, persatuan-persatuan berkaitan industri / kewangan, pihak-pihak berkuasa kerajaan, biro-biro kredit atau agensi-agensi pelaporan kredit, penjual-penjual, rangkaian-rangkaian sosial dan agensi-agensi pencegahan penipuan atau organisasi-organisasi lain,

untuk mana-mana dan / atau semua tujuan-tujuan yang berikut ("**Tujuan**"), jika berkaitan :

(i) menyediakan produk dan / atau perkhidmatan ini dan memaklumkan saya tentang sebarang perubahan penting atau perkembangan tentang ciri-ciri produk dan / atau perkhidmatan tersebut;
(ii) mengemaskini dan menguruskan ketepatan rekod Kumpulan Perbankan RHB;
(iii) pencegahan, pengesanan atau pendakwaan jenayah, dan pematuhan obligasi-obligasi perundangan dan peraturan;
(iv) penilaian dan analisis termasuk pemarkahan kredit / pinjaman / risiko insurans / kelakuan, analisis pasaran dan produk dan penyelidikan pasaran;
(v) perhubungan dan memastikan kepuasan pelanggan, yang mungkin termasuk menjalankan kajian-kajian meningkatkan kualiti produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kami, membalas kepada pertanyaan dan aduan serta untuk menyelesaikan percanggahan secara umumnya;
(vi) menentukan jumlah hutang saya dan pemungutan hutang yang saya berhutang kepada pihak Bank;
(vii) mengekalkan sejarah kredit saya untuk rujukan semasa dan akan datang;
(viii) membolehkan pemegang serah hak sebenar atau yang dicadangkan oleh pihak Bank, atau peserta atau sub peserta pihak Bank untuk menilai urus niaga saya yang bertujuan untuk menjadi subjek penyerahhakan, penyertaan atau sub penyertaan;
(ix) penjualan silang, pemasaran dan promosi produk dan/atau perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB dan rakan-rakan kongsi strategik;
(x) bagi acara-acara korporat pihak Bank (termasuk acara rangkaian, pelancaran produk, dan lain-lain) / pertandingan, di mana gambar / imej saya mungkin akan ditangkap dan boleh digunakan untuk penerbitan pihak Bank; atau
(xi) melindungi kepentingan Kumpulan Perbankan RHB dan tujuan sampingan atau tujuan lain yang berkenaan.

Saya faham dan mengakui bahawa pihak Bank perlu memproses maklumat peribadi saya untuk Tujuan tersebut, tanpanya pihak Bank tidak akan dapat menyediakan produk / perkhidmatan yang saya minta daripada pihak Bank dan untuk memaklumkan saya tentang sebarang perubahan penting atau perkembangan tentang produk / perkhidmatan tersebut. Di mana saya telah memberi pihak Bank maklumat peribadi sensitif (khususnya, maklumat tentang kesihatan fizikal / mental saya untuk permohonan bagi produk insurans / perkhidmatan), saya dengan ini memberikan pihak Bank persetujuan nyata saya untuk memproses mengikut cara yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini. Saya boleh menjalankan pilihan saya berkenaan dengan menerima bahan-bahan pemasaran (termasuk penjualan silang, pemasaran dan promosi seperti yang dinyatakan di atas) pada bila-bila masa dengan melawat www.rhbgroup.com atau hubungi **Customer Care Centre** Nombor Telefon: **03 9206 8118.**
Saya faham bahawa pihak Bank mungkin akan mendedahkan maklumat peribadi saya (atau maklumat peribadi sensitif, jika berkenaan) kepada syarikat-syarikat lain di dalam Kumpulan Perbankan RHB, penyedia-penyedia perkhidmatan, peniaga-peniaga dan rakan-rakan kongsi strategik, pembekal-pembekal termasuk agensi-agensi pemungutan hutang, penasihat-penasihat profesional, persatuan-persatuan berkaitan industri / kewangan, biro-biro kredit atau agensi-agensi pelaporan kredit dan pencegahan penipuan, agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen, pekerja, dan/atau mana-mana orang mereka, sama ada bertempat di dalam atau di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut, jika berkenaan, tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan-peraturan, piawaian, garis panduan dan / atau obligasi) yang terpakai kepada pihak Bank.

Saya juga faham bahawa saya boleh meminta untuk membuat pembetulan (jika maklumat peribadi saya adalah tidak tepat, ketinggalan zaman, tidak lengkap, dan lain-lain), akses kepada (fi yang ditetapkan mungkin dikenakan), atau untuk menghapuskan (jika saya tidak lagi mempunyai apa-apa produk / perkhidmatan yang sedia ada dengan Kumpulan Perbankan RHB) ke atas maklumat peribadi saya atau mengehadkan pemprosesan itu pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut melalui pos, e-mel atau faks kepada alamat berikut:

**RHB Banking Group Customer Care Centre,**
**Level 7 Menara AA, JalanTun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia.**
**Nombor Faks: 03 9206 8088**
**Nombor Telefon: 03 9206 8118**
**Emel: customer.service@rhbgroup.com**

Saya mengakui bahawa Kumpulan Perbankan RHB boleh mengubahsuai atau mengemas kini Notis Privasi ini dari masa ke semasa, di mana salinannya boleh didapati di www.rhbgroup.com dan saya boleh menyalurkan sebarang aduan atau pertanyaan yang saya mungkin ada dengan cara yang ditunjukkan di atas.

**PENGIKTIRAFAN DAN KEBENARAN**

Dengan memberikan maklumat peribadi saya berserta tandatangan, saya mengizinkan pihak Bank memproses maklumat peribadi saya untuk mana-mana pendedahan yang diperlukan dan pemindahan maklumat peribadi saya ke luar negara kepada pihak ketiga yang berkaitan, jika berkenaan.
Saya bersetuju dengan pendedahan dan / atau pemindahan maklumat peribadi saya kepada pihak ketiga yang berkaitan akibat daripada apa-apa penyusunan semula, penjualan atau pengambilalihan mana-mana syarikat dalam Kumpulan Perbankan RHB, dengan syarat bahawa penerima menggunakan maklumat peribadi saya untuk Tujuan tersebut sahaja.
Saya juga menyatakan dan menjamin bahawa saya telah cukup memperolehi persetujuan individu-individu pihak ketiga (contohnya keluarga, pasangan, pihak-pihak berkaitan, pemegang kad tambahan dan / atau orang hubungan kecemasan, lain-lain) di mana maklumat peribadi mereka telah saya dedahkan kepada pihak Bank untuk membenarkan pihak Bank membuat pemprosesan yang sama berhubung dengan Tujuan, jika berkenaan.

***[Perenggan ini hanya terpakai kepada penandatangan yang diberi kuasa / orang yang boleh dihubungi daripada pelanggan-pelanggan korporat RHB, jika ada]***
Sebagai penandatangan yang diberi kuasa / orang yang boleh dihubungi daripada pelanggan korporat pihak Bank, saya memahami bahawa maklumat peribadi pengarah-pengarah, pemegang-pemegang saham individu, pekerja-pekerja, penandatangan lain yang diberi kuasa, penjamin individu, penyedia keselamatan individu, pembekal-pembekal dan/atau pihak-pihak berkaitan dan lain-lain, boleh dikumpul dan diproses oleh pihak Bank untuk Tujuan yang dinyatakan di atas. Saya menyatakan dan menjamin bahawa saya berhak untuk memberikan maklumat peribadi tersebut kepada pihak Bank dan / atau persetujuan yang sesuai telah diperolehi untuk membolehkan pihak Bank memproses maklumat peribadi untuk Tujuan tersebut.

***[Perenggan ini hanya terpakai kepada ibu bapa/penjaga undang-undang/waris/wakil bagi pemegang-pemegang Akaun Junior, jika ada]***
Jika saya memberikan persetujuan sebagai ibu bapa/penjaga undang-undang/waris/wakil bagi pemohon kanak-kanak, saya faham bahawa maklumat peribadinya akan diproses oleh pihak Bank untuk Tujuan yang dinyatakan di atas.

## H. KEBENARAN UNTUK PENJUALAN SILANG, PEMASARAN, PROMOSI, DAN LAIN-LAIN

☐ Saya / Kami bersetuju dan memberi kuasa kepada RHB Islamic Bank Berhad (”pihak Bank”) memproses dan mendedahkan apa-apa maklumat yang saya / kami telah berikan kepada pihak Bank untuk tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi (termasuk untuk menjalankan tawaran dan pertandingan) kepada rakan-rakan kongsi strategik, ejen-ejen, pekerja-pekerja dan / atau mana-mana orang mereka atau pihak ketiga.

**Nota: Klausa ini hanya terpakai kepada individu-individu dan perusahaan kecil dan sederhana (SMEs).*

## I. PENGISTIHARAN PEMOHON

Saya/ Kami mengesahkan bahawa:

1. saya/kami telah diberi penerangan mengenai pembiayaan dan keuntungan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk yang telah diberikan kepada saya.
2. saya/kami dengan ini mengesahkan dan mengaku kesemua maklumat yang diberikan oleh saya/kami adalah lengkap, benar dan tepat. Bank berhak atas budi bicaranya untuk melulus atau menolak permohonan saya/kami.
3. dengan menandatangani dan/atau menggunakan kemudahan kredit ini, saya/kami bersetuju untuk mematuhi kesemua terma dan syarat pembiayaan Bank, setelah permohonan saya/kami diluluskan dan kesemua terma dan syarat lain yang dikenakan oleh Bank dari masa ke semasa untuk kemudahan kredit dan kesemua pindaan dan bersetuju bahawa kemudahan kredit hanya boleh digunakan tertakluk kepada terma dan syarat tersebut.
4. saya/kami faham bahawa kemudahan kredit adalah sentiasa hakmilik Bank dan hendaklah dibayar kepada Bank apabila diminta dan boleh dibatalkan oleh Bank tanpa sebarang notis.
5. saya / kami mengesahkan bahawa saya / kami tiada kaitan dengan / bukan seorang penjamin kepada mana-mana pengarah, pemegang saham mengawal, pegawai Kumpulan Perbankan RHB dan mana-mana *ahli keluarga terdekat mereka. Pengarah, pemegang saham mengawal, pegawai Kumpulan Perbankan RHB dan mana-mana *ahli keluarga terdekat mereka bukanlah seorang pengarah, rakan kongsi, pegawai eksekutif, ajen atau penjamin di dalam firma / perkongsian / syarikat / entiti undang-undang dan / atau anak syarikat / entiti di bawah kawalan kami. Jika pada bila-bila masa saya / kami menjadi pihak berkait, saya / kami mestilah memberitahu pihak Bank secara bertulis dengan segera. Pihak Bank berhak sepenuhnya untuk membatalkan segala kemudahan sekiranya saya / kami gagal membuat perakuan yang wajar atau tepat yang menyebabkan pihak Bank menyalahi Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 / Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau Garis Panduan tersebut.

   ** “Ahli keluarga terdekat” didefinasikan sebagai suami isteri dan tanggungan kepada suami isteri, anak (termasuk anak tiri/anak angkat) dan suami isteri kepada anak tersebut, ibu bapa dan saudara lelaki dan perempuan dan suami isteri mereka.*
6. saya/kami bersetuju dan memberi kuasa kepada Kumpulan Perbankan RHB (termasuk syarikat induk, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejennya untuk mendedahkan, berkongsi dan/atau mengesahkan maklumat atau dokumen-dokumen yang berkaitan dengan hal ehwal Pelanggan, akaun-akaun, kemudahan-kemudahan, pengarah-pengarah dan/atau pemegang-pemegang saham kepada dan/atau dengan pihak-pihak berikut termasuk, tanpa had:
   - (i) mana-mana syarikat dalam Kumpulan Perbankan RHB, sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk sebarang tujuan termasuk, tanpa had, jualan silang, pemasaran dan promosi produk dan/atau perkhidmatan daripada Kumpulan Perbankan RHB
   - (ii) mana-mana pihak berkuasa/pengawal selia/pihak yang dibenarkan oleh undang-undang atau peraturan-peraturan untuk mendapatkan maklumat atau oleh pihak mahkamah;
   - (iii) mana-mana pihak yang membekalkan sekuriti bagi kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada saya / kami; ejen-ejen Kumpulan Perbankan RHB, termasuk tanpa had, penjual-penjual, peniaga-peniaga dan/atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga berhubung dengan apa-apa produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Kumpulan Perbankan RHB;
   - (iv) juruaudit-juruaudit, peguam-peguam dan/atau penasihat-penasihat profesional lain yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Kumpulan Perbankan RHB dengan perlantikan ini, atau berkaitan dengan apa-apa penyediaan kemudahan atau dokumen-dokumen sekuriti, jika berkenaan, atau mana-mana tindakan atau prosiding bagi mendapatkan kembali wang yang perlu saya / kami bayar, di mana berkenaan;
   - (v) biro-biro kredit dan/atau agensi-agensi pelaporan kredit, agensi-agensi pencegahan penipuan, agensi-agensi kutipan hutang dan persatuan-persatuan berkaitan industri/kewangan; dan
   - (vi) mana-mana pemegang serah hak yang berpotensi atau orang-orang lain yang bercadang untuk membuat apa-apa perjanjian kontrak yang memerlukan pendedahan maklumat tersebut.
7. saya/kami tidak akan pertikaikan isi kandungan sebarang salinan faks yang diterima oleh Bank yang akan dikira sebagai permohonan/maklumat benar dan saya/kami akan mengeluarkan sebarang permohonan/maklumat benar kepada Bank apabila diminta. Saya/Kami bersetuju mematuhi undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.
8. saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa tiada kebenaran atau kelulusan selanjutnya dari saya/kami adalah perlu berkaitan dengan perkara tersebut di atas dan deklarasi ini adalah kebenaran yang di perlu dibawah Seksyen 146 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan segala kebenaran berasas kontrak untuk pemberian maklumat tersebut.

## J. PENGESAHAN PEMOHON

Saya/Kami penandatangan di bawah dengan ini:

a) menerima tawaran Bank, jika permohonan diluluskan, berdasarkan terma dan syarat di bawah dan di Lampiran 1.

b) bersetuju bahawa Surat Tawaran ini adalah tertakluk kepada kelulusan pengesahan kredit saya dan penerimaan bukti pendapatan/gaji oleh Bank termasuk melalui faks dalam tempoh 7 hari bekerja. Jika saya gagal dalam pengesahan kredit atau Bank gagal menerima bukti pendapatan/gaji dalam tempoh 7 hari bekerja, Surat Tawaran ini adalah dengan sendirinya lupus dan terbatal tanpa sebarang tunjuk sebab dan alasan dari pihak Bank.

c) bersetuju dan memberi kuasa kepada RHB Islamic Bank Berhad untuk memperolehi sebarang maklumat kredit dari CTOS, CCRIS dan/atau sebarang agensi-agensi pelaporan kredit sebagaimana yang ditakrifkan dibawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 tanpa memberi sebarang notis kepada saya/kami untuk tujuan berkaitan Pembiayaan. Saya/Kami faham bahawa agensi-agensi pelaporan kredit tersebut mungkin mendapatkan pengesahan daripada saya/kami melalui khidmat pesanan ringkas, hubungan terus atau cara komunikasi yang lain.

☐ Ya ☐ Tidak

d) bersetuju melantik Bank sebagai wakil yang akan menjalankan semua transaksi jualan dan pembelian komoditi bagi pihak saya melalui Lampiran 2.

e) bersetuju membenarkan Bank memindahkan wang Pembiayaan kepada RHB Bank Berhad untuk pembelian Sijil ASB melalui Lampiran 3.

f) bersetuju melantik RHB Bank Berhad sebagai ejen yang akan menjalankan semua transaksi berkaitan Sijil ASB bagi pihak saya, dan membenarkan wakil dari RHB Bank Berhad untuk mengambil sijil ASB bagi pihak saya/kami dari Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan seterusnya mencagarkan sijil tersebut kepada pihak RHB Bank Berhad melalui Lampiran 4.

g) bersetuju untuk menyerahkan Sijil ASB yang berjumlah RM ________________unit kepada RHB Bank dalam tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan sijil ASB tersebut dari ASNB.

h) memberi kuasa kepada Bank yang tidak boleh dibatal dan tanpa syarat kepada Bank untuk mendebitkan akaun nombor:

____________________________di bawah nama _______________________________________________________ dengan pihak Bank untuk Bayaran bulanan seperti yang ternyata dibawah atau variasi amaun yang lain yang perlu dibayar disebabkan perubahan dalam Kadar Asas. Pelanggan akan memastikan bahawa dana secukupnya akan dikekalkan di dalam akaun tersebut untuk tujuan yang dinyatakan terdahulu.

i) bersetuju bahawa fi dokumentasi iaitu, fi pengendorsan sebanyak RM50 dan duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan dan didebitkan daripada akaun pembiayaan Pelanggan pada bayaran bulanan yang pertama. Fi ini tidak akan dikembalikan kepada Pelanggan.

j) bersetuju bahawa caj bayaran lewat sebanyak 1% setahun di atas bayaran bulanan yang tertunggak akan di kenakan jika Pelanggan gagal untuk membayar bayaran bulanan pada 5hb. setiap bulan.

k) sedar akan pihak Bank membenarkan Pelanggan pada bila-bila masa tanpa notis untuk membuat bayaran penyelesaian awal pembiayaan samada secara sepenuhnya atau sebahagian daripadanya ke atas baki pembiayaan dengan syarat tiada tunggakan ke atas kemudahan pembiayaan berdasarkan perkara-perkara berikut :

(i) yuran bayaran terdahulu tidak akan di kenakan ke atas Pelanggan sekiranya Pelanggan membuat bayaran terdahulu ke atas baki pembiayaan

(ii) bayaran terdahulu atau bayaran terlebih ke atas baki pembiayaan akan memberi kesan ke atas kiraan keuntungan pembiayaan.

Sekiranya berlaku kegagalan di pihak saya/kami untuk memenuhi syarat-syarat diatas, pihak Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap saya serta menarik balik pembiayaan ini dan menjual Sijil Saham ASB saya/kami yang telah dicagarkan tanpa sebarang notis. Pihak Bank juga berhak menuntut segala kos-kos berkaitan pembiayaan yang berkenaan sama ada dalam bentuk kadar keuntungan atau lain-lain.

Sekian, terima kasih.

_________________________________________

**Nama :**

**No K/P :**

## K. UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA

**PENGESAHAN MAJIKAN**

Bercakap dengan :

Masa :

Tarikh :

* Untuk Pemohon yang bekerja

*Pengesahan pekerjaan telah dibuat

---

Saya mengesahkan bahawa : (Sila tandakan kotak yang berkenaan)

☐ Pengesahan pekerjaan telah dibuat

☐ Saya telah memberi penerangan mengenai pembiayaan dan keuntungan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk kepada Pemohon.

| Tandatangan Kakitangan Jualan | Tandatangan Pengurus Cawangan / Pengurus Jualan |
|---|---|
| ______________________________ | ______________________________ |
| Nama:<br>Tarikh: | Nama:<br>Tarikh: |

| SYARAT PEMBIAYAAN BERJANGKA-i BERCAGARKAN SIJIL AMANAH SAHAM BERHAD (ASB) | | |
|---|---|---|
| **1. PELANGGAN** | : | Nama:........................................................................................................<br>No. K/P: .......................................................<br>No. Telefon: ................................................(Rumah) ................................................(Bimbit) |
| **2. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI** | : | Undang-Undang Malaysia |
| **3. KEMUDAHAN** | : | Pembiayaan ini di bawah konsep Komoditi Murabahah melalui aturan Tawarruq dalam jumlah Ringgit Malaysia (RM).......................... sahaja atau jumlah lain (“Jumlah Pembiayaan”) yang diluluskan oleh Bank bergantung kepada penilaian kredit dalaman oleh Bank dan kelulusan yang mana jumlah/ kebenaran dan terma lain yang berkaitan hendaklah dimaklumkan kepada Pelanggan. |
| **4. TUJUAN** | : | Pembiayaan hendaklah digunakan untuk kegunaan sendiri dalam pelaburan ASB. Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Pembiayaan tidak akan digunakan untuk apa-apa aktiviti atau perkhidmatan tidak halal. Bank mempunyai hak untuk menamatkan dan menarik balik Pembiayaan tersebut dengan serta-merta jika Pelanggan gagal untuk mematuhi syarat ini. |
| **5. KOMODITI DITETAPKAN** | : | Apa-apa komoditi yang ditentukan oleh Bank yang halal dan mematuhi prinsip-prinsip Shariah dalam keadaan "sepertimana sedia ada", tanpa apa-apa perwakilan atau waranti daripada Bank berkenaan kualiti, keadaan, bilangan dan deskripsi dan tanpa liabiliti kepada pihak Bank bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau kemerosotan terhadap komoditi tersebut. |
| **6. TEMPOH DAN JUMLAH BAYAR** | | ................ bulan bergantung kepada apa-apa perubahan yang akan dimaklumkan melalui notis oleh pihak Bank. Bayaran bulanan hendaklah dibuat pada 5hb pada setiap bulan. Pihak Bank juga berhak meminda jumlah bayaran bulanan/tempoh Pembiayaan pada bila-bila masa tertakluk kepada Kadar Keuntungan Siling. Walaubagaimanapun Pelanggan akan dimaklumkan melalui notis dari semasa ke semasa mengenai perubahan bayaran tersebut dan tarikh ia berkuatkuasa. |
| **7. CARA PEMBIAYAAN** | : | Setelah penerimaan Pelanggan terhadap Surat Tawaran ini, Pelanggan hendaklah melantik Bank sebagai ejen yang akan menjalankan semua transaksi berkaitan dengan jualan dan pembelian komoditi bagi pihak Pelanggan melalui Perlantikan Wakil dan Pesanan Pembelian Komoditi, kepada pihak Bank seperti Lampiran 2 yang tidak boleh ditarik balik.<br><br>Selepas itu, merujuk kepada fasal 16 dalam Surat Tawaran, Bank akan menjalankan semua transaksi berkaitan pembelian komoditi bagi pihak Pelanggan.<br><br>Setelah transaksi pembelian dan penjualan selesai, jumlah Pembiayaan Pelanggan akan:<br>i. didepositkan/dikreditkan kepada RHB Bank Berhad untuk urusan berkaitan pembelian Sijil ASB dengan pihak ASNB atau<br>ii. didepositkan/dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan yang diselenggarakan oleh Pelanggan dengan Bank, tertakluk kepada pemotongan yang telah dipersetujui, yang mana akan dianggap sebagai pembayaran penuh oleh Bank kepada Pelanggan di bawah Pembiayaan. |
| **8. HARGA JUALAN BANK BAGI KOMODITI (HARGA JUALAN)** | : | Ringgit Malaysia (RM) ....................................... tertakluk kepada apa-apa perubahan yang akan dimaklumkan melalui notis daripada pihak Bank. |
| **9. KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF** | : | ........................ % setahun tertakluk kepada apa-apa perubahan yang akan dimaklumkan melalui notis daripada pihak Bank. |
| **10. ARAHAN BAYARAN** | | Pelanggan memberi kuasa yang tidak boleh dibatal dan tanpa syarat kepada Bank untuk mendebitkan akaun nombor: ..........................................................................................<br>di bawah nama : ....................................................................................... dengan pihak Bank untuk Bayaran bulanan seperti yang ternyata dibawah atau variasi amaun yang lain yang perlu dibayar disebabkan perubahan dalam Kadar Asas. Pelanggan akan memastikan bahawa dana secukupnya akan dikekalkan di dalam akaun tersebut untuk tujuan yang dinyatakan terdahulu. |
| **11. CARA BAYARAN HARGA JUALAN (ANSURAN)** | : | **<u>Tempoh</u>** — **<u>Bayaran bulanan*</u>**<br>.................bulan — RM ......................<br>Bulan pertama — RM ..................... + **<u>RM60.00</u>** fi dokumentasi<br><br>Apa-apa perubahan kepada bayaran bulanan ("bayaran ansuran") dan tempoh bagi pembayaran Harga Jualan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan melalui notis daripada Bank dari semasa ke semasa, tertakhluk kepada harga jualan yang mana tetap tidak berubah.<br><br>Bayaran ansuran hendaklah dibuat pada 5hb pada setiap bulan selepas hasil daripada jualan kepada Broker B (tertakluk kepada pemotongan yang telah dipersetujui) didepositkan/dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan, dan bayaran ansuran berikutnya harus dibayar pada tarikh yang sama dalam bulan berikutnya sehingga Harga Jualan Bank dibayar sepenuhnya.<br><br>Sekiranya berlaku apa-apa kegagalan pembayaran, bayaran ansuran yang tidak mencukupi atau kekurangan atas sebab-sebab (termasuk tetapi tidak terhad kepada) dana atau jumlah perlindungan daripada pelan Takaful yang tidak mencukupi untuk menyelesai baki Pembiayaan (jika diaplikasi), Pelanggan hendaklah dengan segera membayar bayaran ansuran atau jumlah yang kurang, terus kepada Bank, dengan memaklumkan perkara yang sama kepada Bank.<br><br>*Nota: Bayaran terakhir yang perlu dibayar mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada bayaran ansuran lain, bergantung pada baki harga jualan Bank yang masih belum dibayar pada bulan terakhir berikutan perubahan KA sepanjang tempoh Pembiayaan.* |

| | |
|---|---|
| **12. PAMPASAN (TA'WIDH) DIBAYAR TERHADAP PEMBIAYAAN** : | Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada Bank seperti yang berikut :<br>a) bagi apa-apa kegagalan Pelanggan untuk membayar bayaran tertunggak di bawah Pembiayaan ini dari tarikh pembayaran pertama sehingga tarikh matang bagi Pembiayaan ini, Pelanggan hendaklah membayar bayaran pampasan kepada Bank pada kadar pampasan sebanyak satu peratus(1%) setahun:<br>i. ke atas jumlah tertunggak dalam kes kelalaian ke atas pembayaran berjadual; atau<br>ii. ke atas baki Pembiayaan ini yang masih belum dijelaskan kerana kelalaian yang menyebabkan Pembiayaan ini ditamatkan atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tempoh tamat Pembiayaan.<br>b) bagi apa-apa kegagalan Pelanggan untuk membayar sebarang jumlah yang tertunggak dan kegagalan adalah berterusan di luar tempoh Pembiayaan tersebut atau selepas penghakiman diperolehi (yang mana terdahulu), pada kadar untuk setahun seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa (sebelum dan juga selepas penghakiman) dengan syarat kadar pampasan yang terpakai tidak boleh pada bila-bila masa melebihi kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam Bank Negara Malaysia, terhadap jumlah baki tertunggak bagi Pembiayaan ini yang dikira pada asas harian; dan<br>c) jumlah pampasan itu tidak boleh dikompaun;<br>d) atau oleh apa-apa kaedah lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia. |
| **13. PENYELESAIAN PEMBIAYAAN** : | a) Pihak Bank bersetuju bahawa pada bila-bila masa tanpa notis Pelanggan boleh membuat bayaran penyelesaian Pembiayaan samada secara sepenuhnya atau sebahagian daripadanya ke atas baki Pembiayaan dengan syarat tiada tunggakan ke atas Pembiayaan berdasarkan perkara-perkara berikut:<br>i. dimana fi bayaran terdahulu tidak akan dikenakan ke atas Pelanggan sekiranya membuat bayaran terdahulu ke atas baki Pembiayaan.<br>ii. bayaran terdahulu atau bayaran terlebih ke atas baki Pembiayaan akan mengurangkan pengiraan keuntungan ke atas Pembiayaan dan memberi kesan ke atas kiraan keuntungan Pembiayaan.<br>b) Pihak Bank juga tidak bertanggungjawab dan tidak menjamin kelulusan pembelian Sijil ASB dengan pihak ASNB. Sekiranya terdapat kegagalan dalam pembelian Sijil ASB dari pihak ASNB, pihak Bank berhak untuk menamatkan perjanjian ini. Jumlah Pembiayaan yang terhasil dari transaksi komoditi akan digunakan oleh pihak Bank untuk menyelesaikan jumlah Pembiayaan Pelanggan serta menamatkan perjanjian ini. |
| **14. REBAT (IBRA')** : | a) Bank akan memberi Rebat (Ibra') kepada mana-mana jumlah yang perlu dibayar oleh Pelanggan berhubung dengan apa-apa bayaran yang kena dibayar di bawah Pembiayaan dalam mana-mana keadaan yang berikut:<br>i. apa-apa penyelesaian awal atau penebusan awal oleh Pelanggan termasuk bayaran pendahuluan;<br>ii. apa-apa penyelesaian Pembiayaan disebabkan mana-mana penyusunan semula Pembiayaan oleh Pelanggan;<br>iii. apa-apa penyelesaian oleh Pelanggan apabila berlakunya Kejadian Kemungkiran; seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 4 dalam Lampiran (1) dan<br>iv. apa-apa penyelesaian oleh Pelanggan dengan menamatkan atau membatalkan Pembiayaan sebelum tamat Tempoh Pembiayaan.<br>Rebat (Ibra ') = * Baki keuntungan belum diperolehi - Caj penyelesaian awal (jika ada).<br>** Baki keuntungan belum diperolehi adalah sama dengan keuntungan tidak nyata pada masa penyelesaian penuh.*<br><br>Pengiraan Rebat (Ibra') hendaklah dibuat mengikut apa-apa kaedah, peraturan dan/ atau arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang diperlukan atau dikenakan ke atas pihak Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank. |
| **15. CAGARAN SIJIL ASB** : | Pelanggan (dan atau mana-mana ejen, yang mana berkenaan) dengan ini mencagar dan/ atau menyerah hak dan/ atau menyandar akan dan/ atau deposit kepada RHB Bank Berhad melalui cagaran pertama yang dikenakan keatas (dan/ atau ejen, jika berkenaan) Sijil ASB Pelanggan dari Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ini atau apa-apa jumlah lain unit amanah Sijil ASB yang Pelanggan adalah berhak untuk membeli seperti yang ditentukan oleh ASNB (mengikut mana-mana berkenaan), sebagai jaminan berterusan untuk pembayaran, apabila diminta, semua dan/ atau mana-mana liabiliti Pelanggan dengan Bank sama ada pada masa ini atau selepas Pembiayaan ini termasuk keuntungan dan semua caj lain sehingga tarikh penyelesaian Pembiayaan.<br><br>Nilai cagaran Sijil ASB adalah berdasarkan nilai prinsipal sahaja dan tidak termasuk dividen.<br><br>Semasa dan selagi Pembiayaan ini tidak dijelaskan dengan sepenuhnya, Sijil ASB tidak boleh ditarik balik atau diserah hak atau dipindah milik atau diwujudkan amanah keatasnya kepada mana-mana pihak.<br><br>Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya menghendaki Pelanggan (dan/ atau ejen, yang mana berkenaan) melakukan apa-apa perbuatan atau tindakan atau menguatkuasakan apa-apa borang atau dokumen, notis, pengesahan untuk tujuan menyempurnakan dan/atau mencairkan cagaran ke atas Sijil ASB Pelanggan dan Pelanggan (dan/ atau ejen, yang mana berkenaan) hendaklah bertindak/ melakukan seperti yang dikehendaki dalam tempoh yang ditetapkan oleh Bank.<br><br>Pelanggan hendaklah pada setiap masa tidak mengambil atau tidak melakukan apa-apa tindakan yang mana tindakan tersebut boleh memberi kesan dan menjejaskan atau boleh mengurangkan nilai unit amanah Sijil ASB atau yang boleh menyebabkan apa-apa pengubahan atau pengurangan bagi terma dan syarat yang dinyatakan di sini atau apa sahaja hak yang diwujudkan. |

| | |
|---|---|
| **16. PELANTIKAN BANK SEBAGAI EJEN** : | a) Pelanggan bersetuju melantik Bank sebagai ejen yang akan menjalankan semua transaksi berkaitan dengan jualan dan pembelian komoditi bagi pihak Pelanggan serta membuat pesanan pembelian komoditi melalui Lampiran 2 (Perlantikan Wakil dan Pesanan Pembelian Komoditi) dan tidak akan membatalkan pelantikan ini selagi Pembiayaan ini masih ada.<br>b) Merujuk kepada Perlantikan Wakil dan Pesanan Pembelian Komoditi melalui Lampiran 2, pihak Bank akan membeli komoditi dan selepas menerima pemilikan komoditi, pihak Bank akan menjual komoditi tersebut kepada pelanggan pada harga jualan tertangguh.<br>c) Selepas komoditi itu telah dibeli menurut subfasal (b) di atas, Pelanggan mempunyai hak untuk menerima penghantaran komoditi tersebut. Sekiranya Pelanggan memilih untuk menggunakan hak ini, Pelanggan dikehendaki memaklumkan kepada Bank dan membayar harga jualan komoditi tersebut secara tunai kepada Bank. Seterusnya, semua kos yang berkaitan dan perbelanjaan penghantaran komoditi itu kepada Pelanggan akan ditanggung pada kos dan perbelanjaan Pelanggan sendiri.<br>d) Jika Pelanggan tidak menggunakan hak tersebut, pihak Bank menganggap bahawa Pelanggan bersetuju untuk Bank meneruskan dan bertindak sebagai ejen Pelanggan seterusnya berurusan dengan komoditi itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subfasal (e) di bawah.<br>e) Sekiranya Pelanggan memilih untuk tidak menerima penghantaran komoditi yang dibeli, Bank bertindak sebagai ejen Pelanggan akan menjual komoditi yang dibeli bagi pihak Pelanggan dengan harga yang sama dengan pembelian komoditi mengikut terma pembayaran serta-merta dan membayar hasil kepada Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga sesuai dengan tujuan kemudahan perbankan itu.<br>f) Pelanggan bersetuju bahawa Pelanggan tidak boleh membatalkan pelantikan Bank sebagai ejen Pelanggan selagi kemudahan perbankan disediakan untuk Pelanggan.<br>g) Bank sebagai ejen tunggal dan eksklusif Pelanggan, boleh bertindak sebagai ejen yang tidak didedahkan dan berkuasa untuk mewakilkan hak dan tanggungjawab Bank sebagai ejen kepada pihak ketiga untuk melakukan segala tindakan yang perlu untuk menyiapkan urus niaga yang diperlukan.<br>h) Semua tindakan Bank sebagai ejen bagi pihak Pelanggan akan kekal terikat ke atas Pelanggan dan tidak terjejas oleh apa-apa kejadian yang berlaku yang mungkin menyebabkan pelantikan ini terbatal melainkan jika Bank mempunyai pengetahuan sebenar mengenai kejadian tersebut. Sebagai balasan kepada Bank yang bertindak sebagai ejen Pelanggan, Pelanggan hendaklah menanggung rugi pihak Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa jua sifat yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank hasil daripada tindakannya sebagai ejen Pelanggan. |
| **17. PELANTIKAN RHB BANK BERHAD SEBAGAI EJEN PELANGGAN UNTUK TRANSAKSI SIJIL ASB** : | Dalam menguruskan Pembiayaan ini Pelanggan bersetuju untuk :<br>a) membenarkan Bank memindahkan wang Pembiayaan kepada RHB Bank Berhad untuk pembelian Sijil ASB, melalui Lampiran 3<br>b) melantik RHB Bank Berhad (“RHB Bank”)sebagai ejen yang akan menjalankan semua transaksi berkaitan dalam pembelian, penyimpanan Sijil ASB dan berurusan dengan pihak Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”) bagi pihak Pelanggan, melalui Lampiran 4.<br>c) membenarkan wakil dari RHB Bank untuk mengambil Sijil ASB yang berjumlah RM................... (......................) unit bagi pihak Pelanggan daripada ASNB dan seterusnya mencagarkan Sijil ASB tersebut kepada pihak Bank.<br>d) menyerahkan Sijil ASB yang berjumlah RM....................... (.....................) unit, sekiranya ia diserahkan secara terus kepada Pelanggan seberapa segera dan memaklumkan kepada Bank, dimana Pelanggan mengaku janji bahawa selagi Sijil ASB tersebut tidak diserahkan kepada RHB Bank, Pelanggan hanyalah memegangnya sebagai amanah bagi pihak RHB Bank dan akan menyerahkannya kepada pihak RHB Bank dalam tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan Sijil ASB itu dari ASNB. |
| **18. PELUPUSAN SIJIL ASB** : | Bank berhak untuk mengarahkan RHB Bank Berhad dengan segera untuk melupuskan, mencairkan atau menjual unit amanah Sijil ASB yang dicagarkan kepada pihak Bank, yang difikirkannya patut melalui ejen tersebut yang dilantik atau mana-mana syarikat di dalam Kumpulan Perbankan RHB, sekiranya berlaku Kejadian Kemungkiran.<br><br>Hasil jualan itu akan dikreditkan ke arah pelarasan dan/ atau penyelesaian liabiliti Pelanggan dengan Bank. Sebarang pengurangan dalam akaun itu akan diselesaikan oleh Pelanggan. Sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana peruntukan di sini, kuasa Bank hendaklah termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kuasa:<br>i. mengambil milik, mengumpul dan mendapatkan Sijil ASB atau mana-mana bahagiannya;<br>ii. untuk menjual, menukarkan, menukar kepada wang atau melupuskan atau sedar atau bersetuju dalam jualan, bertukar-tukar, menukar kepada wang atau melupuskan atau menyedari atau bersetuju dalam jualan, bertukar-tukar, menukar kepada wang atau melupuskan atau merealisasikan Sijil ASB atau mana-mana bahagian daripadanya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Bank sama ada melalui tawaran awam atau perjanjian persendirian dan bagi balasan atau apa-apa nilai dan atas apa-apa terma sebagaimana yang Bank boleh membuat keputusan mengikut budi bicaranya ;<br>iii. untuk menjalankan atau menyebabkan atau membenarkan menjalankan segala kuasa atau hak-hak yang berkaitan dengan pemilikan Sijil ASB atau mana-mana bahagian daripadanya;<br>iv. untuk menyelesaikan, menyesuaikan, tolak ansur dan mengatur apa-apa tuntutan/ penyelesaian, akaun, pertikaian, soalan dan permintaan yang berkaitan dengan apa-apa cara untuk Sijil ASB atau mana-mana bahagiannya;<br>v. untuk membawa, mendakwa, menguatkuasakan, mempertahankan dan/ atau meninggalkan apa-apa tindakan, guaman atau prosiding atas apa-apa perkara atau terhadap mana-mana pihak yang berkaitan dengan Pembiayaan ini sebagaimana yang difikirkan patut dan perlu oleh Bank; dan<br>vi. untuk melakukan semua tindakan dan/ atau perkara-perkara yang perlu atau wajar atau suai manfaat bagi merealisasikan Sijil ASB dan penyelesaian penuh semua liabiliti yang terhutang kepada Bank . |

| | | |
|---|---|---|
| **19. TAKAFUL** | : | Pelanggan hendaklah mengambil pelan Takaful bagi melindungi Pembiayaan di bawah samaada daripada syarikat Takaful yang tersenarai sebagai syarikat Takaful panel Bank atau daripada syarikat Takaful sah yang lain pilihan Pelanggan sendiri. Pelanggan layak mendapat Pembiayaan bagi kos perlindungan Takaful, jika menggunakan khidmat Syarikat Takaful panel Bank dan jumlah ini akan termasuk dalam jumlah keseluruhan Pembiayaan. |
| **20. FI, KOS DAN PERBELANJAAN LAIN** | : | Fi dokumentasi iaitu, fi pengendorsan sebanyak RM50 dan duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan dan didebitkan daripada akaun Pembiayaan Pelanggan pada bayaran ansuran yang pertama. Fi ini setelah dibayar tidak akan dikembalikan kepada Pelanggan sekiranya Pembiayaan ini terbatal atau tidak diteruskan.<br><br>Semua caj, fi guaman dan profesional, duti setem, cukai pada masa ini dan masa hadapan, penangguhan atau apa jua potongan yang lain dan sebagainya yang berkaitan dengan Pembiayaan termasuk fi peguamcara Bank atas dasar peguamcara-klien dan/ atau jika apa-apa wang yang dengan ini diberikan perlu didapatkan semula melalui apa-apa proses undang-undang atau oleh peguam Bank, maka ia mesti ditanggung oleh Pelanggan. |
| **21. LAIN-LAIN YURAN, CUKAI & PERBELANJAAN** | : | Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan hendaklah menanggung semua yuran professional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan(GST)), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan Pembiayaan ini. |
| **22. PEMBATALAN PEMBIAYAAN PEMBIAYAAN/ TINDAKAN UNDANG-UNDANG** | : | Pihak Bank adalah berhak menahan sebarang pengeluaran Pembiayaan, atau dan menarik balik Pembiayaan atau dan mengambil tindakan undang-undang terhadap Pelanggan sekiranya terdapat sebarang pembayaran Pembiayaan tidak dijelaskan oleh pihak Pelanggan, atau didapati mana-mana pihak mengambil tindakan mahkamah yang melibatkan Pelanggan atau akaun bersekutu dengan Pelanggan di mana Pelanggan adalah pemilik, ahli kongsi, pengarah atau Pelanggan, atau terdapat perintah muflis, tidak siuman atau berlakunya kematian keatas Pelanggan.<br><br>Bagi menyelesaikan baki atau penamatan Pembiayaan atas permintaan Pelanggan, notis jualan selama (1) satu bulan hendaklah dikemukakan kepada cawangan-cawangan yang berkenaan. Manakala bagi akaun tertunggak selama (2) dua bulan atau lebih, pihak Bank berhak menjual Sijil ASB Pelanggan tanpa sebarang notis. |
| **23. PENDEDAHAN MAKLUMAT** | : | Pelanggan bersetuju dan membenarkan Kumpulan Perbankan RHB (yang meliputi syarikat induk , anak syarikat dan syarikat bersekutu, pengarah, pegawai, pekerja dan ejen-ejennya untuk mendedahkan, berkongsi dan/ atau mengesahkan maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan hal ehwal Pelanggan, akaun, termasuk kemudahan kepada dan/ atau pihak-pihak berikut, termasuk tanpa had:<br>(i) mana-mana syarikat dalam Kumpulan Perbankan RHB, sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk sebarang tujuan, termasuk tanpa had:<br>(a) jualan silang,promosi dan pemasaran produk dan/ atau perkhidmatan daripada Kumpulan Perbankan RHB ;<br>(b) menjalankan pemeriksaan ke atas sebarang konflik berkepentingan di dalam situasi yang sebenar atau yang mungkin timbul, berikutan perlatikan RHB Investment Bank Berhad; jika berkenaan;<br>(c) mempunyai akses kepada maklumat dan/ atau dokumen Pelanggan berhubung dengan sekuriti dan/ atau akaun depositori dengan RHB Investment Bank Berhad dan/ atau pusat yang berkaitan dan/ atau depositori yang dibenarkan, jika berkenaan;<br>(ii) mana-mana pihak berkuasa/ pengawal selia/ pihak yang dibenarkan oleh undang-undang atau peraturan-peraturan untuk mendapatkan maklumat atau oleh mahkamah undang-undang;<br>(iii) mana-mana pihak yang memberikan perlindungan untuk tujuan kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan; ejen Kumpulan Perbankan RHB, termasuk tanpa had, vendor, peniaga dan / atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga berhubung dengan apa-apa produk dan/ atau perkhidmatan yang disediakan oleh Kumpulan Perbankan RHB ;<br>(iv) juruaudit, penasihat undang-undang dan/ atau penasihat profesional lain yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan oleh Kumpulan Perbankan RHB susulan penglibatan ini, atau berkaitan dengan penyediaan apa-apa kemudahan atau keselamatan dokumen, jika berkenaan, atau mana-mana tindakan atau prosiding bagi mendapatkan kembali wang yang kena dibayar dan perlu dibayar oleh Pelanggan, di mana berkenaan;<br>(v) biro kredit dan/ atau agensi pelaporan kredit, agensi pencegahan penipuan, agensi kutipan hutang dan industri/ persatuan kewangan yang berkaitan;<br>(vi) mana-mana pemegang serah hak atau orang lain yang bercadang untuk membuat apa-apa perjanjian kontrak yang memerlukan pendedahan maklumat tersebut. |
| **24. SYARAT-SYARAT LAIN** | : | a) Pelanggan dikehendaki membayar kadar keuntungan berdasarkan pengiraan keuntungan harian selepas transaksi Pembiayaan dilakukan.<br>b) Pihak bank berhak untuk mencairkan Sijil ASB dalam hal Kejadian Kemungkiran.<br>c) Notis 14 hari akan dikeluarkan oleh pihak Bank sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan bayaran ansuran untuk dua (2) bulan berturut-turut. Pelanggan diberikan 14 hari untuk membuat bayaran ansuran yang tertunggak. Sekiranya Pelanggan gagal membuat bayaran selepas tamat tempoh 14 hari tersebut, pihak Bank akan menjual Sijil ASB tersebut tanpa apa-apa rujukan lagi kepada Pelanggan.<br>d) Pihak Bank bebas dan berhak mengenakan dan/ atau memindakan segala yuran atau bayaran dari masa ke semasa jika perlu.<br>e) Pelanggan dikehendaki menandatangani dokumen sekuriti berikut sebagai cagaran Pembiayaan.<br>i. Borang ASNB PT (Borang Pelaburan).<br>ii. "Memorandum of Deposit for Unit Trust (First Party/third Party)"<br>iii. Penyata Pendedahan Risiko Pelaburan Dalam Saham Amanah menerusi Pembiayaan<br>iv. Surat Arahan Pemindahan Wang Pembiayaan kepada RHB Bank Berhad<br>v. Surat pelantikan RHB Bank Berhad sebagai Ejen |

| | | |
|---|---|---|
| | | f) Pihak Bank berhak untuk mengenakan dan/ atau mengubah kadar yuran danl atau caj-caj lain dari semasa ke semasa dengan memberi notis tidak kurang daripada 21 hari kalendar kepada Pelanggan sebelum tarikh ia berkuatkuas, di mana selepas tempoh berkenaan pihak Bank berhak untuk mendebitkan akaun tersebut. Berdasarkan budi bicara mutlak Bank, notis untuk perubahan, penambahan, atau pindaan akan berkuatkuasa melalui:-<br>i. Mempamerkan notis tersebut di premis Bank dan cawangan-cawangannya untuk jangka masa tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari atau dengan menghantar notis tersebut kepada Pelanggan ; atau<br>ii. Mempamerkan notis tersebut melalui laman web Kumpulan Perbankan RHB www.rhbgroup.com<br>g) Bank berhak dengan memberi tujuh (7) hari kalendar notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan (untuk menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana akaun dan liabiliti Pelanggan, dengan dan kepada Kumpulan Perbankan RHB sehingga bahagian prinsipal sahaja untuk akaun bukan Islam di mana sahaja sama ada di dalam atau di luar Malaysia sama ada bersendirian atau bersama-sama dengan mana-mana orang lain dan boleh memindahkan atau menolak apa-apa jumlah wang yang ada dalam akaun tersebut bagi menjelaskan mana-mana liabiliti Pelanggan sama ada sebenar atau luar jangka, utama atau sampingan walaupun baki kredit dalam akaun tersebut dan liabiliti dalam mana-mana akaun lain mungkin tidak dinyatakan dalam mata wang yang sama dan Bank dengan ini diberi kuasa untuk melaksanakan apa-apa pertukaran yang perlu menurut kadar pertukaran semasa Bank pada masa itu.<br>h) Tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut di atas, Bank juga berhak untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan (sama ada dalam kredit atau debit) dengan Bank untuk semua bayaran yang terhutang dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank walau dengan apa jua cara pun dengan memberi tujuh (7) hari kalendar notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan. |
| **25. PINDAAN DAN/ ATAU SYARAT TAMBAHAN** | : | a) Bank boleh pada bila-bila masa selepas ini atau atas permintaan Pelanggan menukar dan/ atau mengubah semua atau mana-mana bahagian Pembiayaan yang dengan ini diberi kepada Kemudahan lain dan jika ini berlaku, liabiliti atau obligasi yang wujud menurut dokumen ini akan terus sah dan mengikat untuk apa jua tujuan sehingga Harga Jualan oleh Bank walau apa pun tambahan atau perubahan tersebut dan tertakluk kepada perubahan seperti yang akan dimaklumkan oleh Bank (sama ada tersirat oleh undang-undang atau kegunaan dagangan yang mentadbir atau terpakai untuk tambahan atau perubahan tersebut).<br>b) Walau apapun peruntukan yang berlawanan, terma-terma Surat Tawaran ini boleh, pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, diubah oleh pihak Bank dan jika pindaan tersebut adalah material, notis akan diberikan kepada Pelanggan, DENGAN SYARAT pindaan atau perubahan itu tertakluk kepada dan mematuhi dan menepati prinsip Shariah, dan seterusnya, pindaan dan perubahan itu akan dianggap sebagai telah dibuat dan hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai menjadi sebahagian daripada Surat Tawaran ini pada masa ianya dimeterai. |
| **26. LAMPIRAN** | : | Terma dan Syarat Am yang ditetapkan dalam Lampiran 1 yang dilampirkan dalam dokumen ini merupakan sebahagian penting kepada seluruh Surat Tawaran ini. Namun begitu, jika terdapat apa-apa percanggahan atau perselisihan antara Surat Tawaran ini dengan Lampiran 1, maka Surat Tawaran ini adalah terpakai untuk tujuan tafsiran.<br><br>Kami mengalu-alukan jika Pelanggan dapat mengesahkan penerimaan tawaran ini berdasarkan syarat utama yang disebut di atas dengan menandatangani dan mengembalikan salinan pendua surat ini seperti yang dilampirkan, dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tersebut. |

Sekiranya berlaku kegagalan di pihak Pelanggan untuk memenuhi syarat-syarat diatas, pihak Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap Pelanggan serta menamatkan Pembiayaan ini dan mengarahkan RHB Bank untuk menjual Sijil ASB Pelanggan yang telah dicagarkan bagi menyelesaikan baki Pembiayaan Bank tanpa sebarang notis. Pihak Bank juga berhak menuntut segala kos-kos berkaitan Pembiayaan yang berkenaan sama ada dalam bentuk kadar keuntungan atau lain-lain.

Pelanggan dengan ini bersetuju dengan segala Syarat Pembiayaan dan Terma & Syarat Am yang dikemukakan oleh pihak Bank.

Sekian, terima kasih.

______________________________

**Nama :**

**No K/P :**

**Tarikh :**

## LAMPIRAN 1
## TERMA DAN SYARAT AM

**1. PERNYATAAN DAN JAMINAN**

Pelanggan dengan ini menyatakan dan memberikan jaminan kepada Bank bahawa:

(i) Pelanggan mempunyai hak, autoriti, kuasa dan keupayaan sepenuhnya dari segi undang-undang untuk menerima Pembiayaan dan untuk melaksanakan obligasinya menurut syarat dalam Surat Tawaran ini;

(ii) Surat Tawaran ini membentuk obligasi yang sah dan mengikat di sisi undang-undang yang boleh dikuatkuasakan terhadap Pelanggan menurut terma masing-masing;

(iii) semua kebenaran, pemberian kuasa dan kelulusan yang diperlukan atau yang sebaiknya diperoleh berhubung dengan penerimaan, penyerahan, kesahan atau kebolehlaksanaan Surat Tawaran ini dan penggunaan Pembiayaan telah diperoleh serta dikuatkuasakan dan dilaksanakan sepenuhnya;

(iv) penerimaan oleh Pelanggan atau penyerahan Surat Tawaran atau pun pelaksanaan syarat dalam perjanjian ini tidak akan melanggar atau membentuk keingkaran di bawah mana-mana undang-undang, peraturan, perintah atau dekri mana-mana pihak berkuasa kerajaan, agensi atau mahkamah yang Pelanggan tertakluk kepadanya;

(v) Pelanggan tidak mungkir di bawah mana-mana perjanjian yang mana Pelanggan adalah satu pihak atau yang Pelanggan boleh terikat dengannya dan tiada litigasi, timbang tara atau prosiding pentadbiran sedang berjalan atau belum selesai atau yang boleh dikenakan terhadap Pelanggan;

(vi) semua maklumat yang dikemukakan oleh Pelanggan kepada Bank berkaitan dengan Pembiayaan adalah benar dan betul dan tidak terdapat peninggalan, yang akan menyebabkan maklumat menjadi tidak tepat atau mengelirukan; dan

(vii) tiada prosiding kebankrapan sedang berjalan, belum selesai atau yang boleh dikenakan terhadap Pelanggan

**2. PRA-SYARAT**

Pembiayaan boleh digunakan oleh Pelanggan setelah prasyarat berikut dipenuhi:

(i) Pelanggan hendaklah lulus penilaian kredit dalaman Bank dan kelulusan untuk kepuasan Bank;

(ii) Bank telah menerima surat penerimaan tawaran ini daripada Pelanggan dalam tempoh yang ditetapkan;

(iii) semua dokumen yang dikehendaki dalam perjanjian ini dan/atau dokumen lain seumpamanya yang mungkin dikehendaki oleh Bank dan/atau peguamcaranya hendaklah dilaksanakan oleh Pelanggan, dimatikan setem dan didaftarkan sewajarnya di pejabat pendaftaran seperti yang difikirkan perlu atau wajar oleh Bank;

(iv) Pelanggan hendaklah membayar semua fi atau caj yang perlu dibayar atau yang dipersetujui akan dibayar oleh Pelanggan kepada Bank untuk atau berkaitan dengan Pembiayaan;

(v) tiada Kejadian Kemungkiran (seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 4 dokumen ini) atau tiada kejadian yang dengan pemberian notis atau berlalunya masa atau kedua-duanya yang boleh membentuk Kejadian Kemungkiran telah berlaku atau sedang berlaku;

(vi) tiada keadaan luar biasa atau perubahan undang-undang atau tindakan lain kerajaan telah berlaku yang menyebabkan Pelanggan tidak mungkin dapat mematuhi atau melaksanakan wa'ad (janji) dan obligasi dalam dokumen ini; dan

(vii) hasil carian ke atas Pelanggan di Pejabat Ketua Pengarah Insolvensi memuaskan Bank.

**3. WAAD AFIRMATIF**

Selama tempoh Pembiayaan, Pelanggan akan :

(i) membayar, menjelaskan atau dengan cara lain melunaskan tepat pada waktunya pada atau sebelum tempoh matang atau sebelum menjadi tertunggak, mengikut mana-mana yang berkenaan, bayaran ansuran Harga Jualan Bank dan semua keterhutangannya dan obligasi lain walau apa pun bentuknya;

(ii) pada masa yang sama melaksanakan dan menjalankan mana-mana dan semua obligasinya di bawah Pembiayaan;

(iii) mengambil semua langkah seperti yang mungkin perlu bagi memastikan bahawa tidak ada kesan yang teruk dan ketara ke atas kedudukan kewangannya;

(iv) memberikan semua maklumat yang perlu secara munasabah berkaitan dengan Pelanggan kepada Bank; dan

(v) memaklumkan Bank tentang berlakunya Kejadian Kemungkiran atau apa-apa kejadian Kemungkiran berkaitan dengan apa-apa keterhutangan lain Pelanggan.

**4. KEJADIAN KEMUNGKIRAN**

Jumlah penuh Harga Jualan oleh Bank dan semua wang belum jelas di bawah Pembiayaan bersama dengan pampasannya (jika ada) dan semua wang lain berkaitan dengannya perlu dibayar oleh Pelanggan apabila diminta oleh Bank atau setelah berlakunya mana-mana perkara berikut:

(i) Pelanggan mungkir membuat pembayaran ansuran Harga Jualan oleh Bank atau pembayaran apa-apa wang yang perlu dibayar kepada Bank selepas ia menjadi terhutang sama ada diminta secara rasmi atau tidak;

(ii) Pelanggan mungkir di bawah mana-mana peruntukan lain dalam dokumen ini yang tidak dapat diremedi atau yang dapat diremedi, tetapi tidak diremedi dalam tempoh empat belas (14) hari selepas dikehendaki berbuat demikian oleh Bank;

(iii) apa-apa pernyataan, waranti atau syarat yang dibuat atau dinyatakan oleh Pelanggan dalam dokumen ini adalah dengan materialnya tidak benar atau mengelirukan;

(iv) apa-apa kejadian lain atau beberapa kejadian sama ada berkaitan atau tidak, telah berlaku, yang pada pendapat Bank (yang pendapatnya adalah muktamad dan mengikat) boleh atau mungkin memberikan kesan atau menjejaskan keupayaan atau kesediaan Pelanggan untuk mematuhi semua atau mana-mana obligasi Pelanggan menurut dokumen ini;

(v) Pelanggan terlibat dalam apa-apa tindakan kebankrapan atau menjadi bankrap atau meninggal dunia atau menjadi tidak siuman;

(vi) mana-mana dokumen yang diberi kepada Bank adalah atau menjadi, atas apa jua sebab, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan;

(vi) jika Bank menganggap bahawa Pembiayaan atau kedudukan Pelanggan berkaitan dengan pembayaran Pembiayaan adalah terancam.

**5. HAK BANK UNTUK MEMULAKAN PROSIDING UNDANG-UNDANG SECARA SERENTAK**

Apabila Pelanggan mungkir atau melanggar mana-mana syarat, waad, ketetapan dan/atau akujanji yang diperuntukkan dalam dokumen ini dan yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh Pelanggan, Bank akan selepas itu berhak melaksanakan semua atau mana-mana remedi yang ada sama ada melalui Surat Tawaran ini, statut atau selainnya dan berhak melaksanakan remedi tersebut secara serentak, termasuk mengambil tuntutan sivil untuk mendapatkan kembali semua wang yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank.

**6. SURAT KUASA WAKIL**

Pelanggan sebagai jaminan dengan ini secara tidak boleh ditarik balik melantik Bank dan setiap perwakilan atau sub-wakil (jika ada) yang telah ditetapkan oleh Bank untuk mewakili Pelanggan atas nama Pelanggan atau sebaliknya dengan kuasa penuh penggantian untuk melaksanakan dan melakukan jaminan, tindakan dan perkara-perkara yang Pelanggan patut lakukan di bawah peruntukan syarat-syarat ini untuk melaksanakan dan menyempurnakan apa-apa pemindahan atau dokumen yang dikehendaki oleh Bank bagi menyempurnakan dan/atau mencairkan cagaran atau sekuriti ke atas Sijil ASB dan/ atau untuk mendapatkan semula dan/ atau untuk menerima daripada mana-mana pihak yang terlibat kesemua jumlah yang perlu dibayar kepada Pelanggan berkenaan dengan Sijil ASB dan/ atau menguatkuasakan apa-apa hak berkenaan dengannya dan memberikan resit yang sah dan/ atau mengambil prosiding itu pada kos dan perbelanjaan Pelanggan, sama ada melalui tindakan, tekanan atau selainnya sebagaimana yang Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya dianggap perlu atau patut dan/ atau untuk menguatkuasakan mana-mana hak yang tersebut di atas dan Pelanggan dengan ini mengesahkan apa jua tindakan dan perbuatan wakil atau wakil-wakil seperti Pelanggan secara sah melakukan di bawah Surat Kuasa Wakil ini.

**7. PERBELANJAAN GUAMAN DAN PERBELANJAAN BERKAITAN**

Pelanggan perlu membayar semua fi guaman dan belanja berhubung dengan penyediaan, duti setem dan pendaftaran mana-mana dokumen sekuriti yang dikehendaki oleh Bank di bawah seksyen ini walaupun dokumen tersebut tidak dilaksanakan oleh Pelanggan atas apa jua sebab. Jika apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Pembiayaan perlu didapatkan kembali melalui apa-apa proses undang-undang atau perlu diserahkan kepada peguam untuk pungutan, maka Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar fi peguam Bank (atas dasar peguam dan klien) dan apa-apa fi dan belanja lain yang ditanggung berkaitan dengan pungutan tersebut.

**8. PENEPIAN DAN KELONGGARAN**

Terma dan syarat dalam dokumen ini boleh diketepikan oleh Bank secara keseluruhannya atau sebahagiannya dengan atau tanpa syarat dan tanpa menjejaskan hak Bank menurut dokumen ini dan apa-apa kegagalan Bank untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan menurut dokumen ini atau apa-apa tolak ansur, penangguhan atau kelonggaran yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan tidak boleh ditafsirkan sebagai penepian hak Bank menurut dokumen ini.

**9. PEMBIAYAAN KREDIT UNTUK PIHAK YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN**

Kelulusan Pembiayaan kepada Pelanggan adalah dengan syarat bahawa Bank sepenuhnya akan mematuhi apa-apa undang-undang yang terpakai, perundangan atau peraturan termasuk, peruntukan Seksyen 57 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dibaca bersama dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) berkenaan Urus Niaga Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan dengan Bank Islam dan/ atau mana-mana garis panduan pengganti/ spesifikasi/ pekeliling yang dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa yang berkaitan dengannya. Selain di atas, Pelanggan dengan ini mengisytiharkan kepada Bank bahawa Pelanggan tidak berkaitan dengan/ penjamin kepada/ mengawal/ dikawal oleh mana-mana pengarah, pemegang saham yang mengawal, pegawai-pegawai Kumpulan Perbankan RHB, ahli-ahli Jawatankuasa Shariah RHB Islamic Bank dan saudara-mara mereka yang terdekat (pasangan dan tanggungan kepada pasangan, anak (termasuk anak tiri/ anak angkat) dan menantu, ibu bapa dan saudara lelaki atau perempuan dan pasangan-pasangan mereka). Tiada pengarah, pemegang saham yang mengawal, pegawai-pegawai Kumpulan Perbankan RHB, ahli-ahli Jawatankuasa Shariah RHB Islamic Bank dan saudara-mara rapat masing-masing adalah seorang pengarah, rakan kongsi, pegawai eksekutif, ejen atau penjamin dalam firma/ perkongsian/ syarikat/ entiti undang-undang dan/ atau anak-anak syarikat /entiti-entiti yang dikawal oleh Pelanggan. Pelanggan hendaklah pada setiap masa yang material berjanji untuk mengisytiharkan kepada Kumpulan Perbankan RHB jika terdapat hubungan dengan pihak berkaitan sepanjang tempoh Pembiayaan ini. Sekiranya terdapat hubungan dengan pihak berkaitan yang tidak didedahkan ditemui kemudiannya, Bank berhak untuk menamatkan dan menarik balik Pembiayaan tersebut dengan segera.

**10. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN 2001 (AKTA 613)**

Dalam tempoh Pembiayaan, Pelanggan akan memastikan bahawa Pelanggan tidak pernah dan tidak akan:

(i) melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam urus niaga yang melibatkan hasil yang didapati daripada apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang;

(ii) memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukarkan, membawa, melupuskan, menggunakan, mengeluarkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia hasil yang didapati daripada apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau

(iii) melindungkan, menyembunyikan atau menghalang tindakan bagi mengesahkan sifat sebenar, asal, lokasi, pergerakan, pelupusan, hak milik, hak berkaitan dengan, atau pemilikan hasil yang didapati daripada apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.

**11. PEMBERI MAKLUMAT/BIRO PUSAT KREDIT**

Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa selagi Pembiayaan ini masih berkuatkuasa atau belum dijelaskan kesemuanya, pihak Bank berhak untuk memberi maklumat tentang Pembiayaan (termasuk akaun masa kini atau akaun-akaun di masa akan datang dengan pihak Bank kepada syarikat-syarikat yang menjadi atau akan menjadi syarikat induknya dan/atau anak-anak syarikatnya. Syarikat induk Bank dan anak-anak syarikatnya juga berhak untuk memberi maklumat kepada pihak Bank dan/atau anak-anak syarikatnya dengan syarat pihak Bank mengambil setiap langkah yang perlu untuk memastikan maklumat tersebut dirahsiakan dikalangan anak-anak syarikatnya/syarikat induk Bank.

Untuk makluman Pelanggan, BNM telah pun menubuhkan Biro Pusat Kredit (Central Credit Bureau). Tujuannya ialah untuk membolehkan sesebuah bank di Malaysia mendapatkan maklumat mengenai seseorang Pelanggan, Pembiayaan kredit yang telah diberikan kepadanya oleh bank-bank yang lain, dan prestasinya. Oleh itu adalah menjadi syarat kepada Pembiayaan ini, dan adalah dianggap bahawa kebenaran Pelanggan (yang tidak boleh dimansuhkan) dengan ini diberikan, sebarang maklumat mengenai Pelanggan Pembiayaan ini, dan prestasi Pelanggan akan diberi secara sulit dan berterusan kepada Biro Pusat Kredit.

**12. KEWAJIPAN UNTUK MENGESAHKAN PENYATA AKAUN/SIJIL BANK**

a) Pelanggan hendaklah mengesahkan semua penyata akaun yang dihantar oleh Bank kepada Pelanggan dan dalam tempoh masa yang munasabah mengembalikannya kepada Bank sekiranya terdapat apa-apa percanggahan dalam penyata akaun tersebut yang jika Pelanggan gagal berbuat demikian, penyata akaun tersebut akan disifatkan sebagai muktamad dan mengikat Pelanggan. Penyata daripada Bank dan ditandatangani oleh mana-mana pegawainya tentang pada bila-bila masa berapakah jumlah wang yang belum dijelaskan, melainkan apa-apa kesilapan nyata, adalah muktamad dan tidak akan dipersoalkan oleh Pelanggan atas apa jua alasan.

b) Sekiranya anda memilih untuk e-Penyata dari senarai Pilihan Penyata, anda dengan ini mengakui bahawa anda telah membaca, bersetuju dan memahami kandungan yang dinyatakan dalam Terma & Syarat - Perjanjian Pengguna Penyata Elektronik ("T & S e-Penyata") dan anda bersetuju untuk terikat oleh T & S e-Penyata tersebut. Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa untuk mengubah, meminda, menambah dan / atau mengeluarkan mana-mana klausa dalam T & S e-Penyata tersebut. Anda boleh melihat T & S e-Penyata dengan melayari www.rhbgroup.com

**13. AKAUN YANG DIGANTUNG**

Apa-apa wang yang diterima oleh Bank berhubung dengan Pembiayaan boleh disimpan secara kredit ke dalam akaun yang digantung selama yang difikirkan sesuai oleh Bank tanpa apa-apa obligasi pada waktu itu untuk menggunakannya atau mana-mana bahagiannya untuk menjelaskan apa-apa liabiliti yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank.

**14. NOTIS-NOTIS & PENYAMPAIAN PROSES UNDANG-UNDANG**

**A. Notis-notis**

Apa-apa notis atau pemberitahuan menurut atau berkaitan dengan Surat Tawaran ini boleh dilakukan secara (i) telefon, atau (ii) dengan bertulis dan diserahkan sendiri menggunakan pos berdaftar atau pos biasa, faksimili, surat elektronik, atau sistem pesanan ringkas ("SMS") ke alamat dan nombor telefon bimbit yang diberikan dalam Surat Tawaran ini atau ke alamat lain/ nombor telefon bimbit seperti yang penerima mungkin telah memaklumkan kepada pihak yang satu lagi secara bertulis. Bukti pengeposan atau penghantaran apa-apa notis atau pemberitahuan hendaklah disifatkan sebagai bukti penerimaan:

(a) jika melalui panggilan telefon, apabila ia dibuat;
(b) jika dihantar dengan tangan, pada masa penyerahan;
(c) jika melalui pos, selepas tamat tempoh tiga (3) *Hari Perniagaan dari tarikh surat dipos;
(d) jika dihantar melalui faksimili, pada masa laporan penghantaran diterima oleh penghantar faksimili yang bertujuan untuk mengesahkan bahawa penerima telah menerima faksimili tersebut;
(e) jika dihantar melalui mel elektronik, pada masa notis atau pemberitahuan benar-benar dihantar dalam bentuk boleh dibaca; dan
(f) jika dihantar melalui SMS, pada masa SMS berjaya dihantar.

Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk bergantung kepada dan bertindak ke atas apa-apa arahan, notis atau komunikasi dari Pelanggan yang dibuat melalui telefon, faksimili atau SMS kepada Bank dan Pelanggan hendaklah menanggung rugi dan melepaskan Bank terhadap semua tindakan, guaman, prosiding, kos, tuntutan, permintaan, caj, perbelanjaan, kerugian dan liabiliti (melainkan disebabkan oleh kecuaian atau keingkaran sengaja pihak Bank) berbangkit daripada, atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan Bank mempercayai atau bertindak dengan suci hati menurut panggilan Pelanggan, faksimili atau arahan SMS, notis atau komunikasi walaupun arahan, notis atau komunikasi tersebut telah dimulakan atau disiarkan dengan kesilapan, diubah dengan niat jahat, salah faham atau diputarbelitkan semasa di dalam talian komunikasi atau penghantaran.

*"Hari Perniagaan" bermaksud hari Bank dibuka untuk perniagaan.

**B. Penyampaian Proses Undang-Undang**

(a) Penyampaian apa-apa Proses Undang-Undang boleh diberikan melalui kiriman pos berdaftar prabayar atau pos biasa yang dihantar ke alamat pihak yang berkenaan dalam dokumen ini dan Proses Undang-Undang tersebut akan disifatkan sebagai telah disampaikan sewajarnya selepas tamat tempoh lima (5) hari dari tarikh penghantarannya dan jika diserahkan dengan tangan, pada hari ia diserahkan; dan
(b) Pertukaran alamat penyampaian walau dalam apa cara sekali pun tidak akan berkuat kuasa atau mengikat kedua-dua pihak kecuali pihak tersebut telah memberi pihak yang satu lagi notis sebenar tentang pertukaran alamat penyampaian dan apa jua yang dilakukan menurut subseksyen (a) di atas tidak akan terlibat atau terjejas oleh apa-apa pertukaran berikutnya dalam alamat penyampaian yang tidak diketahui oleh pihak yang satu lagi pada masa tindakan atau perkara tersebut dilakukan atau dilaksanakan.
(c) "Proses Undang-Undang" bermaksud prosiding, semua bentuk proses pemula, apa jua jenis permohonan interlokutori, afidavit, perintah dan dokumen seumpamanya selain yang dinyatakan sebelum ini yang perlu diberi kepada pihak yang satu lagi dalam dokumen ini, notis, di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Kebankrapan 1967 dan undang-undang lain di Malaysia.

**15. AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)**

BNM telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula Pembiayaan secara percuma kepada individu.

Untuk pertanyaan, sila hubungi talian 1-800-88-2575.

---

Sila nyatakan penerimaan tawaran Pembiayaan perbankan ini bersama dengan Terma dan Syarat Am yang termaktub didalamnya dengan menandatangani dan mengembalikan salinan pendua dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Tawaran ini kepada cawangan ……………………………………………….kami di alamat …………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………………………………………………….

Sekiranya anda gagal berbuat demikian, pihak Bank berhak untuk menarik balik dan membatalkan Pembiayaan perbankan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
RHB Islamic Bank Berhad

| | |
|---|---|
| ______________________ | ______________________ |
| *Nama Pegawai Bank:* | *Nama Pengurus Bank:* |
| *Jawatan:* | *Jawatan.* |

**LAMPIRAN 2**

**PERLANTIKAN WAKIL DAN PESANAN PEMBELIAN KOMODITI**

(Dikeluarkan oleh Pelanggan kepada RHB Islamic Bank Berhad)

TARIKH :

KEPADA : RHB ISLAMIC BANK BERHAD
Level 11
Menara Yayasan Tun Razak
200 Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tuan,

**Surat Tawaran bertarikh ................................ ("Surat Tawaran") – Perlantikan Wakil dan Pesanan Pembelian Komoditi**

Merujuk kepada Fasal 7 dalam Surat Tawaran.

Saya dengan ini melantik Bank sebagai ejen yang akan menjalankan semua transaksi berkaitan dengan jualan dan pembelian komoditi bagi pihak saya dan tidak akan membatalkan pelantikan ini selagi Pembiayaan ini masih ada.

Saya juga dengan ini membuat pesanan dan meminta tuan membeli komoditi yang ditetapkan pada harga belian RM ................................

Saya mengakui bahawa pembelian komoditi ditetapkan oleh pihak tuan adalah atas permintaan saya yang terkandung dalam perjanjian ini dan saya mengaku janji untuk membeli keseluruhan komoditi ditetapkan itu daripada tuan setelah tuan membeli komoditi tersebut. Sekiranya saya gagal dalam memenuhi akujanji untuk membeli keseluruhan komoditi setelah tuan membeli komoditi tersebut, tuan berhak menuntut gantirugi dari pihak saya terhadap sebarang kerugian sebenar yang tuan alami akibat dari kegagalan saya.

Perlantikan Wakil dan Pesanan Pembelian Komoditi ini adalah muktamad serta terma dan syarat dalam Surat Tawaran disifatkan sebagai telah digabungkan dan digunapakai ke dalam Pesanan Pembelian Komoditi ini.

Yang benar,

..........................................................................

Nama: ______________________________

No. K/P: ______________________

**LAMPIRAN 3**

***SURAT ARAHAN PEMINDAHAN WANG PEMBIAYAAN KEPADA RHB BANK BERHAD**
**hanya untuk Pelanggan yang membeli Sijil ASB baharu*

(Dikeluarkan oleh Pelanggan kepada RHB Islamic Bank Berhad)

TARIKH :

Kepada : RHB Islamic Bank Berhad

**Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil ASB**

Merujuk kepada Surat Tawaran bertarikh ..............................

Saya dengan ini mengarahkan RHB Islamic Bank Berhad (RHB Islamic) untuk memindahkan wang yang diperolehi daripada Pembiayaan di atas, kepada RHB Bank Berhad.

Saya bersetuju untuk menanggung segala kerugian yang akan berlaku di atas arahan saya ini selagi pihak RHB Islamic telah melaksanakan arahan ini dengan sebaiknya.

Terima kasih.

....................……………………….........................

Nama: ____________________________________

No. K/P: __________________________

.........................................................................

*RHB ISLAMIC BANK BERHAD*

*penandatangan yang diberi kuasa oleh Bank*

Nama Pegawai Bank:

Cawangan:

**LAMPIRAN 4**

**SURAT PELANTIKAN RHB BANK BERHAD SEBAGAI EJEN**
(Dikeluarkan oleh Pelanggan kepada RHB Bank Berhad)

Tarikh :

Kepada : RHB Bank Berhad

**Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil Amanah Saham Bumiputera (Pembiayaan)**

Merujuk kepada Surat Tawaran RHB Islamic Bank Berhad bertarikh ..........................

*(hanya untuk Pelanggan yang membeli Sijil ASB yang baharu)*

Saya dengan ini memaklumkan bahawa pada......................................., saya telah mengarahkan RHB Islamic Bank Berhad (RHB Islamic) untuk memindahkan wang yang diperolehi daripada Pembiayaan di atas, kepada RHB Bank Berhad (RHB Bank).

Oleh itu, pihak RHB Bank adalah dengan ini secara tidak boleh batal dilantik menjadi ejen kepada saya di dalam pembelian unit amanah Sijil Amanah Saham Bumiputera (ASB), dan menguruskan penyimpanan Sijil ASB bagi pihak RHB Islamic dan berurusan dengan pihak ASNB bagi pihak saya.

Sebagai sekuriti kepada Pembiayaan tersebut saya dengan ini bersetuju untuk mencagarkan unit amanah Sijil ASB kepada RHB Bank bagi pihak RHB Islamic dan saya juga dengan ini memberi kuasa kepada RHB Bank untuk mengendalikan dan/atau mencairkan Sijil ASB dan apa-apa perkara berkaitan dengan Sijil ASB tersebut sebagaimana yang diarahkan oleh RHB Islamic dari semasa ke semasa sehingga tamat tempoh/penyelesaian Pembiayaan.

Saya bersetuju untuk menanggung segala kerugian yang akan berlaku di atas arahan saya ini selagi pihak RHB Bank telah melaksanakan arahan ini dengan sebaiknya.

------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

*(hanya untuk Pelanggan yang mempunyai Sijil ASB yang sedia ada)*

Pihak RHB Bank Berhad (RHB Bank) adalah dengan ini secara tidak boleh batal dilantik menjadi ejen kepada RHB Islamic Bank Berhad (RHB Islamic) di dalam urusan unit amanah Sijil Amanah Saham Bumiputera (ASB), dan segala urusan penyimpanan Sijil ASB dan berurusan dengan pihak ASNB bagi pihak saya.

Sebagai sekuriti kepada Pembiayaan tersebut saya dengan ini bersetuju untuk mencagarkan unit amanah Sijil ASB kepada RHB Bank bagi pihak RHB Islamic dan saya juga dengan ini memberi kuasa kepada RHB Bank untuk mengendalikan dan/atau mencairkan Sijil ASB dan apa-apa perkara berkaitan dengan Sijil ASB tersebut sebagaimana yang diarahkan oleh RHB Islamic dari semasa ke semasa sehingga tamat tempoh/penyelesaian Pembiayaan.

Saya bersetuju untuk menanggung segala kerugian yang akan berlaku di atas arahan saya ini selagi pihak RHB Bank telah melaksanakan arahan ini dengan sebaiknya.

Terima kasih.

…………………………..........................

Nama: .............................................

No K/P:............................................

.........................................................

*RHB BANK BERHAD*

*penandatangan yang diberi kuasa oleh Bank*

Nama Pegawai Bank:

Cawangan:

Cc: RHB ISLAMIC BANK BERHAD

## PERMOHONAN KAD KREDIT RHB ISLAMIC BANK BERHAD MELALUI JUALAN SILANG

Saya / Kami telah diberi taklimat mengenai produk jualan silang Kad Kredit RHB Islamic Bank Berhad dan bersetuju untuk memilih Kad Kredit-i.

Jenis kad yang ditawarkan :

| Jenis | Pendapatan Tahunan Minima |
|---|---|
| Kad Kredit RHB Islamic World | RM80,000 |
| Kad Kredit RHB Islamic Platinum | RM48,000 |
| Kad Kredit RHB Islamic Smart Value | RM36,000 |

Nota : *Pemilihan jenis kad kredit Islamik dilakukan oleh pihak Bank berdasarkan kepada Pendapatan Kasar Tahunan anda.*
*Contoh: Untuk pelanggan dengan Pendapatan Tahunan sebanyak RM67,000, pihak Bank akan memilih kad Platinum untuk pemprosesan.*

**PENGESAHAN DAN PENGISHTIHARAAN DARI PEMOHON KAD KREDIT**

*Saya / Kami dengan ini mengesahkan dan mengaku kesemua maklumat yang diberikan oleh saya / kami adalah lengkap, benar dan tepat dan saya / kami memberi kebenaran kepada RHB Islamic Bank Berhad (selepas ini dikenali sebagai "Bank") untuk mengesahkan sebarang maklumat dan mendapat daripada mana-mana sumber termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri sebarang maklumat yang dianggap perlu atau diperlukan oleh Bank. Bank berhak atas budi bicara mutlaknya untuk melulus atau menolak permohonan saya / kami. Saya / Kami bersetuju dengan menandatangani dan / atau menggunakan kad saya / kami bersetuju untuk diikat oleh dan mematuhi kesemua terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Ahli Kad yang akan dihantar kepada saya / kami bersama kad setelah permohonan ini diluluskan dan kesemua terma-terma dan syarat-syarat perjanjian kad kredit Bank dan terma-terma dan syarat-syarat lain yang dikenakan oleh Bank dari masa ke semasa untuk kemudahan kad kredit dan kesemua pindaan dan bersetuju bahawa Kad Kredit Visa / MasterCard RHB Islamic Bank Berhad hanya boleh digunakan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat tersebut. Saya / Kami faham bahawa kad adalah sentiasa hakmilik Bank dan hendaklah diserahkan kepada Bank apabila diminta dan boleh dibatalkan oleh Bank tanpa notis. Saya / Kami mengesahkan bahawa ahli keluarga saya / kami dan saudara terdekat (termasuk ibu bapa, abang / kakak / adik dan pasangan, pasangan dibawah tanggungan dan saudara tiri / angkat) bukanlah pekerja Kumpulan Perbankan RHB. Saya / Kami mengesahkan bahawa memberi kebenaran kepada Bank yang tidak boleh dibatal tanpa syarat untuk mendedahkan sebarang maklumat berkaitan saya / kami dan / atau transaksi yang terlibat bertujuan untuk jualan silang ("cross-selling") oleh anak-anak syarikat Kumpulan Perbankan RHB Capital Bhd., agennya, dan / atau mana-mana individu atau pihak ketiga yang mana Bank secara mutlak berhak memberi kata putus untuk tujuan pemasaran dan promosi. Saya / Kami dengan ini mengesahkan bahawa tiada kebenaran atau kelulusan selanjutnya dari saya / kami adalah perlu berkaitan dengan perkara tersebut diatas dan deklarasi ini adalah kebenaran yang perlu dibawah Seksyen 134 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 / Seksyen 146 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan segala kebenaran berasas kontrak untuk pemberian maklumat tersebut. Saya / Kami mengakui bahawa permohonan saya / kami akan tertakluk kepada terma dan syarat daripada Bank yang akan diberikan kepada saya / kami dengan kad kredit saya / kami yang diluluskan. Saya / Kami tidak akan mempertikaikan isi kandungan salinan faks yang diterima oleh Bank yang dikira sebagai permohonan benar dan saya / kami akan mengeluarkan permohonan benar kepada Bank apabila diminta. Saya / Kami bersetuju untuk mematuhi undang-undang Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan Malaysia. Saya / Kami bersetuju untuk menanggung kesemua transaksi yang dicajkan kepada kad utama / kad pemegang akaun utama saya / kami dan kad tambahan / kad pemegang akaun bersama yang dikeluarkan. Untuk pemohon kad tambahan / kad pemegang akaun bersama sahaja: Saya / Kami bersetuju untuk menanggung kesemua transaksi yang dicajkan kepada kad tambahan / kad pemegang akaun bersama yang dikeluarkan. Untuk pemohon bukan bermastautin Malaysia sahaja: Saya / Kami bersetuju bahawa pembiayaan saya / kami dari kesemua sumber di Malaysia tidak melebihi RM200,000.00. Sekiranya pembiayaan saya / kami termasuk had kredit untuk kad saya / kami melebihi RM200,000.00, saya / kami akan memberitahu Bank dengan serta-merta.*

*Saya / Kami bersetuju dan memberi kuasa kepada Kumpulan Perbankan RHB (termasuk syarikat induk, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejennya untuk mendedahkan, berkongsi dan/atau mengesahkan maklumat atau dokumen-dokumen yang berkaitan dengan hal ehwal saya / kami, akaun-akaun, kemudahan-kemudahan, pengarah-pengarah dan/atau pemegang-pemegang saham kepada dan/atau dengan pihak-pihak berikut termasuk, tanpa had:*

- *(i) mana-mana syarikat dalam Kumpulan Perbankan RHB, sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk sebarang tujuan termasuk, tanpa had, jualan silang, pemasaran dan promosi produk dan/atau perkhidmatan daripada Kumpulan Perbankan RHB*
- *(ii) mana-mana pihak berkuasa/pengawal selia/pihak yang dibenarkan oleh undang-undang atau peraturan-peraturan untuk mendapatkan maklumat atau oleh pihak mahkamah;*
- *(iii) mana-mana pihak yang membekalkan sekuriti bagi kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada saya / kami; ejen-ejen Kumpulan Perbankan RHB, termasuk tanpa had, penjual-penjual, peniaga-peniaga dan/atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga berhubung dengan apa-apa produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Kumpulan Perbankan RHB;*
- *(iv) juruaudit-juruaudit, peguam-peguam dan/atau penasihat-penasihat profesional lain yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Kumpulan Perbankan RHB dengan perlantikan ini, atau berkaitan dengan apa-apa penyediaan kemudahan atau dokumen-dokumen sekuriti, jika berkenaan, atau mana-mana tindakan atau prosiding bagi mendapatkan kembali wang yang perlu saya / kami perlu bayar, di mana berkenaan;*
- *(v) biro-biro kredit dan/atau agensi-agensi pelaporan kredit, agensi-agensi pencegahan penipuan, agensi-agensi kutipan hutang dan persatuan-persatuan berkaitan industri/kewangan; dan*
- *(vi) mana-mana pemegang serah hak yang berpotensi atau orang-orang lain yang bercadang untuk membuat apa-apa perjanjian kontrak yang memerlukan pendedahan maklumat tersebut.*

*Saya / Kami bersetuju dan memberi kuasa kepada RHB Islamic Bank Berhad untuk memperolehi sebarang maklumat kredit dari CTOS, CCRIS dan/atau sebarang agensi-agensi pelaporan kredit sebagaimana yang ditakrifkan dibawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 tanpa memberi sebarang notis kepada saya/kami untuk tujuan berkaitan Pembiayaan. Saya/Kami faham bahawa agensi-agensi pelaporan kredit tersebut mungkin mendapatkan pengesahan daripada saya/kami melalui khidmat pesanan ringkas, hubungan terus atau cara komunikasi yang lain.*

*Ya* ☐ *Tidak* ☐

____________________ ____________________

Tandatangan Pemohon Tarikh